



## The Sarawak Museum Journal

Vol. XLVII No. 68

December 1994



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Asmah Haji Omar. (1994). Bahasa-bahasa Bumiputera di Sarawak. The Sarawak Museum Journal, XLVII (68): 145-158

**BAHASA-BAHASA BUMIPUTERA DI SARAWAK\*****Asmah Haji Omar****PENGENALAN**

Bahasa-bahasa di Sarawak termasuk dalam satu rantaian bahasa-bahasa yang menganggotai satu rumpun yang sama, iaitu rumpun Austronesia. Rumpun ini sangat besar dan kawasannya tersebar dari kawasan bukit di

Taiwan di utara hingga ke New Zealand di Selatan, dan dari Madagaskar di sebelah barat hingga ke kepulauan Easter (Easter Islands) di timur. Tidak dapat dipastikan berapajumlahnyabahasa dalam rumpun Austronesia ini, boleh jadi lebih dari seribu. Tetapi apa yang pasti ialah bahasa-bahasa ini mempunyai sumber yang sama, yakni satu bahasa asal yang menurunkan semua bahasa-bahasa itu. Ahli-ahli linguistik menamakan bahasa asal itu bahasa Austronesia Purba.

Perlu disebut di sini bahawa tidak sesiapa pun yang tahu rupa bentuk bahasa Austronesia Purba. Bahawa bahasa itu wujud satu masa dahulu, antara 2,500 dan 5,000 tahun sebelum zaman kita ini hanya dapat dibuktikan dengan adanya banyak persamaan antara bahasa-bahasa yang merupakan anggota rumpun Austronesia itu. Ahli-ahli linguistik juga telah membuat hipotesis bahawa nenek moyang orang-orang yang menggunakan bahasa Austronesia ini mempunyai tempat asalnya di daratan Asia, kira kira di kawasan Yunan yang kita kenal sekarang ini, iaitu di tenggara negeri China.

# BAHASA-BAHASA BUMIPUTERA DI SARAWAK\*

by

Asmah Haji Omar

## PENGENALAN

Bahasa-bahasa di Sarawak termasuk dalam satu rantaian bahasa-bahasa yang menganggotai satu rumpun yang sama, iaitu rumpun Austronesia. Rumpun ini sangat besar dan kawasannya tersebar dari kawasan bukit di Taiwan di utara hingga ke New Zealand di Selatan, dan dari Madagaskar di sebelah barat hingga ke kepulauan Easter (Easter Islands) di timur.

Tidak dapat dipastikan berapa jumlahnya bahasa dalam rumpun Austronesia ini, boleh jadi lebih dari seribu. Tetapi apa yang pasti ialah bahasa-bahasa ini mempunyai sumber yang sama, yakni satu bahasa asal yang menurunkan semua bahasa-bahasa itu. Ahli-ahli linguistik menamakan bahasa asal itu bahasa Austronesia Purba.

Perlu disebut di sini bahawa tidak sesiapa pun yang tahu rupa bentuk bahasa Austronesia Purba. Bahawa bahasa itu wujud satu masa dahulu, antara 2,500 dan 5,000 tahun sebelum zaman kita ini hanya dapat dibuktikan dengan adanya banyak persamaan antara bahasa-bahasa yang merupakan anggota rumpun Austronesia itu. Ahli-ahli linguistik juga telah membuat hipotesis bahawa nenek moyang orang-orang yang menggunakan bahasa Austronesia ini mempunyai tempat asalnya di daratan Asia, kira kira di kawasan Yunan yang kita kenal sekarang ini, iaitu di tenggara negeri China.

Orang-orang Austronesia di tempat asal itu telah bermigrasi ke Semenanjung Malaysia, Pulau Borneo, Kepulauan Indonesia dan Filipina dan ke pulau-pulau lain dalam kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan Austronesia. Proses migrasi itu berlaku dalam masa yang lama. Migrasi ini memisahkan mereka satu sama lain apabila kelompok-kelompok yang banyak itu bermastautin di pulau atau semenanjung yang berlainan.

Dengan perpisahan antara satu sama lain dan melalui perkembangan-perkembangan yang dilalui oleh masing-masing kumpulan itu, maka wujudlah perbezaan-perbezaan antara satu sama lain, dari segi kepercayaan keagamaan, adat dan kebiasaan, cara hidup, bahkan juga dalam ciri-ciri bahasa sendiri. Walau bagaimanapun, dari segi bahasa, terdapat banyak ciri-ciri asas yang dipertahankan yang mendorong ahli-ahli bahasa membuat hipotesis yang disebut di atas tadi.

---

\* Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Encik Zaini Ojea dari Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak atas segala bantuannya memberi maklumat yang saya perlukan dalam menulis kertas kerja ini.

Dengan menganggotai rumpun Austronesia itu, maka bahasa-bahasa bumiputera di Sarawak boleh dengan tegas dikatakan memasuki satu keluarga yang sama. Dengan perkataan lain, ada pertalian kekeluargaan antara bahasa Iban dengan bahasa Bidayuh dan antara kedua-duanya dengan bahasa Melanau dan seterusnya. Pertalian kekeluargaan dapat juga dilihat antara bahasa-bahasa Sarawak dengan bahasa-bahasa di Sabah, dan antara kedua-dua golongan itu dengan bahasa Melayu.

## PEMERINCIAN BERDASARKAN STATISTIK

Hasil bancian yang terakhir yang dilakukan dalam tahun 1990 belum diterbitkan. Oleh kerana itu kita tidak dapat mengatakan dengan pasti jumlah terkini penduduk Sarawak dan perinciannya menurut suku kaum.

Jika bancian hendak dijadikan panduan pengetahuan tentang statistik suku-suku kaum di Sarawak, maka dapat dikatakan bahawa berdasarkan bancian-bancian yang telah lalu, gambaran yang terperinci atau hampir terperinci tidak dapat dicapai. Ini disebabkan bahawa bancian hanya mengambil kira beberapa suku kaum sahaja, sedangkan suku kaum yang lain dimasukkan dalam kumpulan yang besar di bawah tajuk "Lain-lain".

Dalam banci tahun 1970 dan 1980, suku-suku kaum yang berada di Sarawak yang diambil kira hanyalah: Iban, Cina, Melayu dan Melanau. Suku-suku kaum yang lain disatukan sahaja di bawah golongan besar seperti yang dikatakan di atas tadi.

1970

(dari 976.3 ribu)

|                   |   |       |
|-------------------|---|-------|
| Iban              | — | 31.1% |
| Cina              | — | 30.1% |
| Melayu            | — | 18.6% |
| Bidayuh           | — | 8.6%  |
| Melanau           | — | 5.5%  |
| Lain-lain pribumi | — | 5.2%  |
| Lain-lain         | — | 0.9%  |